

Pemilik bot putih mata

BACHOK: Seorang pengusaha bot pukut tunda berputih mata apabila bot miliknya bukan saja rosak malah hasil tangkapan laut musnah selepas bot itu terkandas dan dimasuki air laut di muara Kuala Kemayang, dekat sini, pagi kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 pagi, bot dengan tujuh awak-awak dan tekong itu dalam perjalanan menghantar hasil laut ke Pangkalan Petah, dekat sini, selepas sebulan berada di laut.

Jurucakap pengusaha bot itu, Mohd Fazli Jaafar, 38, berkata, keadaan laut yang bergelora, mungkin menjadi punca kejadian itu selain keadaan muara yang cetek.

"Akibat terkandas, bot berkenaan kini hampir 40 peratus tenggelam dan kita



TERKANDAS...bot terkandas di muara akibat cetek di Kuala Kemayang.

akan berusaha menyelamatkannya dengan menggunakan perkhidmatan bot tunda," katanya.

Menurutnya, sebelum ini,

bot bernilai kira-kira RM1 juta itu sudah dibaiki dengan kos hampir RM50,000 dan kerosakan terbaru itu memungkinkan pemiliknya ter-

paksa mengeluarkan kira-kira RM500,000 untuk membaikinya

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan kawasan Bachok, Mohd Sarifudin Is-hak, 46, berkata kejadian seperti itu sering kali berlaku kepada nelayan kerana keadaan muara sungai yang cetek.

Katanya, keadaan itu semakin kritikal sehingga memberi risiko besar kepada bot yang ingin menghantar hasil tangkapan ke pangkalan.

"Kita harap kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat membantu menda-lamkan lagi kawasan muara itu bagi membolehkan nelayan membawa hasil tangkapan dengan selamat," katanya.